

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

Fake MCs now, real headache later

Doctors could be suspended, deregistered

By RAGANANTHINI VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: Falsifying a sick leave claim can land an employee in hot water, yet many overlook the consequences.

Despite repercussions, which include termination, people are willing to take the risk of buying medical certificates (MC) to skip a day's work.

Fake MCs have been a long-standing issue – one that has now found a thriving marketplace on social media, where one can request for a fake certificate anytime and even make advanced bookings.

A single MC, often issued by licensed doctors, can cost between RM25 and RM80. Some services are reportedly run by syndicates.

Social media sweeps – including on Facebook and Telegram – reveal the existence of Facebook groups and even Telegram channels dedicated to this trade.

In these forums, users can post requests for MCs, often specifying their location and the dates needed to be off from work.

Some go as far as requesting certificates from government clinics, indicating growing brazenness.

Sellers can be reached via phone or messaging apps like Telegram. There are also cash-on-delivery services.

Based on checks, *The Star* has found the same sellers responding to most of the requests.

In the past, these transactions were largely offline with doctors offering discreet services as employees would have to visit clinics known for providing MCs under the table.

"People used to go to rogue doctors who were willing to issue MCs for a quick buck.

"These doctors typically catered to a specific clientele – usually friends, relatives or regulars," said a general practitioner with over 30 years of experience.

"I've had people approach me asking for MCs even when they weren't sick.

"But I only issue MCs when patients are genuinely unfit for work," he added.

However, another doctor – identified only as Dr J – admitted to issuing MCs without needing to diagnose a patient.

He said he had clients visiting his clinic solely for MCs because they did not feel like working.

"They rarely take any medication. Sometimes they'll pay for the medicine just to make it seem legitimate.

"I charge RM35 for a day's MC – it's a form of side income," he said on condition of anonymity.

Dr J acknowledged the legal and ethical consequences but noted that many general practitioners resort to this practice to supplement their income.

While he declined to specify his earnings, industry insiders estimate the trade can yield thousands of ringgit.

In the public sector, government doctors allegedly provide MCs as a favour to friends or relatives rather than for financial gain.

Federation of Private Medical Practitioners' Associations Malaysia president Dr Shanmuganathan Ganeson said the Malaysian Medical Council views MC fraud very seriously.

"Doctors who issue MCs without proper justification may face suspension or even deregistration. This is a serious breach of professional ethics," he said.

"Given the volume of patient encounters and MCs issued daily across the country, the actual incidence of confirmed MC fraud is very low.

"However, the number of doubtful or questionable MCs – those issued under ambiguous circumstances – is harder to estimate."

Ultimately, MC abuse highlights not only a medical concern but a challenge in human resource management.

"As long as the benefit of the doubt regarding MCs lies with employees, there will always be room for misuse," he added.

On July 6, three men – including a heart patient believed to be one of the masterminds – were arrested in Kedah for their involvement in issuing fake MCs.

Kuala Muda district police chief Asst Comm Hanyan Ramlan said the group's modus operandi involved issuing MCs without the

Consequences of issuing and using fake medical certificates



Malaysian Medical Council
The right to suspend or dismiss any medical practitioner found to be involved in the sale of fake medical certificates.



Malaysian Anti-Corruption Commission Act

Section 18 - Producing a medical certificate with false information or claims.

Imprisonment **not exceeding 20 years** and a fine of **RM10,000**.

Section 24 - Act of deceiving the principal through false claims.

Imprisonment **not exceeding 20 years** and a fine of **RM10,000**.



Countries with digital medical certificates



Germany
Certificates sent directly to employers and health insurers.



Singapore
Certificates issued to employers through government-linked portals.



Finland
Certificates are digitally stored and accessible by employees and employers.



Sweden
Certificates are automatically sent to the Swedish Social Insurance Agency.



Norway
Certificates issued electronically and shared with employers and welfare agencies.



Netherlands
Sick notes and fitness-for-work certificates issued digitally to employees.



Australia
Used by some doctors and telehealth providers, though not standardised nationwide.



New Zealand
Certificates issued by doctors through telehealth providers.



Japan
Limited use but increasing pressure for wider use due to the aging population.



United Kingdom
Pilot project on issuance of digital fit notes.



United States
Used by some healthcare systems/telemedicine providers but no national standard.

Sources: Various

The Star graphics

need for medical consultation or treatment.

He said the case came to light during a probe into a breach of integrity involving a low-ranking police personnel who frequently

submitted MCs.

In response, Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar said the investigation was ongoing and he was awaiting the report.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

MEDICAL NEGLIGENCE CASE

HOSPITAL GIVEN TWO WEEKS TO PAY RM8.3M

Items seized from facility to be auctioned if it fails to settle amount

KUALA LUMPUR

A PRIVATE hospital, which was slapped with a writ of seizure and sale over non-payment of RM8.32 million in a medical negligence case, has until July 23 to settle the amount before the seized items are auctioned.

The hospital, Hospital Islam Az-Zahrah in Bangi, Selangor, is owned by Medi-Circle Sdn Bhd.

Lawyers representing the claimant said they had seized inventory and Medi-Circle had 14 days to settle the amount, failing which the seized items would be sold via auction on a date to be determined by the court.

There are also guards stationed at the hospital to ensure that the items seized were not taken out of the premises.

The *New Straits Times* had tried, on numerous occasions, to contact the hospital, but it has yet to respond.

Checks, however, showed the hospital was still operating as usual, with visitors entering and exiting the premises.

The Health Ministry said it has taken note of this case and would monitor the situation.

The writ of seizure and sale was

issued by the Kuala Lumpur High Court after the hospital failed to pay the claimant the court-ordered sum with interest after first losing the case in 2020.

The suit was filed by the family of a newborn baby, which claimed that their child suffered from spastic quadriplegic cerebral palsy due to medical negligence.

According to court judgments sighted by the NST, the High Court had on Sept 10, 2020, found the hospital liable for the baby girl's condition, a decision that was upheld by the Court of Appeal and Federal Court.

In their suit, the family claimed that their child was born prematurely at 26 weeks on Feb 26, 2003, as a result of negligent obstetric services at the hospital.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Lebih 1.8 juta rakyat telah menikmati Skim Perubatan MADANI

Rawatan percuma kumpulan B40

SKIM Perubatan MADANI merupakan inisiatif kerajaan dalam memperkasakan akses kesihatan kepada golongan kurang berkemampuan dan mengurangkan kesesakan di fasiliti kerajaan.

Melalui skim ini, penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang layak boleh mendapatkan Penjagaan Kesihatan Primer Akut (Rawatan Sakit-sakit Ringan) secara percuma di 1,205 buah klinik pengamal perubatan swasta (GP) yang berdaftar dengan ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.

Daerah yang terpilih adalah Johor Bahru (Johor); Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Klang, Petaling, Hulu Langat & Gombak (Selangor); Kinta (Perak); Timur Laut (Pulau Pinang; Kuching (Sarawak) dan Kota Kinabalu (Sabah).

Skim ini juga merupakan salah satu objektif di bawah Aspirasi Kertas Putih Kesihatan dalam meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat di atas Tonggak 1 iaitu Penjagaan Berasaskan Komuniti.

Inisiatif ini secara tidak langsung turut menggalakkan penglibatan pengamal perubatan swasta yang berhampiran kawasan kediaman atau tempat kerja penerima.

Skim Perubatan MADANI juga dapat memperkukuhkan kerjasama antara sektor awam dan swasta menerusi pendekatan Kerjasama Awam-Swasta dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan primer akut yang lebih menyeluruh dan berkesan.

Manfaat di bawah skim ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu bantuan rawatan kesihatan bernilai RM250 setahun bagi kumpulan isi rumah berkeluarga, manakala untuk kumpulan bujang yang berumur antara 21 hingga 59 tahun layak mendapat sebanyak RM75 setahun dan kumpulan warga emas yang berumur 60 tahun ke atas tanpa pasangan juga layak menikmati RM125 setahun.

Sehingga kini, sebanyak 3 juta lawatan bagi rawatan penyakit ringan seperti demam atau selsema, cirit-birit dan muntah, terseliuh, sakit kepala, atau kecederaan-kecederaan ringan telah diadakan. Rawatan tersebut telah berjaya memberi manfaat kepada 1.5 juta isi rumah, atau 1.8 juta individu sepanjang pelaksanaan skim ini.

Berdasarkan pengalaman pengamal perubatan klinik swasta SPM, Puan Linda dari Kualitas Klinik Dr. Anis berkata, skim itu



merupakan inisiatif yang memberi peluang kepada klinik swasta untuk bekerjasama dengan Kementerian dalam membantu kumpulan B40 mendapatkan rawatan secara percuma.

Menerusi skim ini, penerima STR yang berdaftar dan layak boleh hadir ke klinik swasta berdekatan untuk mendapatkan rawatan percuma dengan hanya

membawa kad pengenalan.

"Skim ini sangat membantu apabila operasi klinik kesihatan telah tamat, kerana kita boleh pergi ke klinik swasta yang beroperasi 24 jam untuk mendapatkan rawatan pada waktu malam," ujar Encik Aziz, penerima manfaat dari daerah Hulu Langat.

Tuntasnya, skim itu merupakan inisiatif yang amat bermakna untuk

keperluan kumpulan B40. Ia tidak hanya memberi akses perkhidmatan kesihatan berkualiti, malah turut membantu mengurangkan beban kewangan isi rumah yang berpendapatan rendah.

Bagi yang mahu menyemak syarat kelayakan, boleh layari laman sesawang ProtectHealth atau muat naik aplikasi Skim Perubatan MADANI di Apple Store dan Google Play. Jika layak, boleh hadir ke klinik dengan membawa kad pengenalan semasa pendaftaran untuk menerima rawatan sakit ringan percuma.

Melalui aplikasi ini, penerima boleh membuat semakan kelayakan, carian klinik serta semakan baki di hujung jari sahaja.

ProtectHealth selaku pelaksana skim akan terus komited mempertingkatkan kualiti servis dan perkhidmatan bagi memastikan inisiatif Kementerian dilaksanakan dengan efektif.

Kesimpulannya, skim ini adalah satu inisiatif membantu keperluan kumpulan B40 untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti. Malah juga membantu mengurangkan beban kewangan isi rumah yang selama ini terpaksa menanggung beban kos rawatan kesihatan yang tinggi.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Kerajaan perlu lakukan reformasi ekosistem kerjaya doktor di Malaysia

Tindakan Singapura ambil doktor Malaysia burukkan lagi sektor penjagaan kesihatan negara

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Langkah berani Singapura mengadakan sesi temu duga terbuka di sini pada bulan depan bagi pengambilan doktor Malaysia, mungkin memburukkan lagi masalah penghijrahan dalam sektor penjagaan kesihatan negara, kata seorang senator.

Mendedahkan demikian, Ahli Dewan Negara, Dr RA Lingshwaran, berkata tawaran pakej tahunan RM385,000 berserta penginapan dan pelbagai faedah tambahan akan mempercepatkan penghijrahan doktor Malaysia ke luar negara.

"Lebih mengejutkan, syarat kelayakan telah dilonggarkan. Kini, semua graduan perubatan Malaysia boleh memohon tanpa perlu melalui sebarang peperiksaan kelayakan seperti sebelum ini. Kos sara hidup di Singapura, terutama sewa rumah turut ditanggung.

"Maka, tawaran ini amat menarik, khususnya kepada doktor muda kita yang masih mencari hala tuju dalam sistem domestik," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Terdahulu, laman X HaritalDoktorKontrak memuat naik satu hantaran mengandungi l-

an promosi sesi temu duga pegawai dan profesional perubatan yang dijadualkan di sebuah hotel terkemuka di ibu negara pada bulan depan.

Sehubungan itu, Dr Lingshwaran yang juga bekas Pengarah Hospital Sungai Bakap di Pulau Pinang, berkata kerajaan perlu melakukan reformasi menyeluruh terhadap ekosistem kerjaya doktor di Malaysia bagi mengelak lebih ramai doktor tempatan memilih menyambung kerjaya mereka di luar negara.

"Saya akui isu ini bukan baharu, ia telah berakar sejak bertahun-tahun. Namun, saya percaya di bawah Kerajaan MADANI yang dipimpin Datuk Seri Anwar Ibrahim, kini adalah masa yang paling sesuai untuk kita melakukan reformasi menyeluruh terhadap ekosistem kerjaya doktor di Malaysia.

"Ramai petugas kesihatan, daripada doktor muda hinggalah ke pakar, percaya bahawa pentadbiran hari ini lebih prihatin, lebih terbuka mendengar suara mereka, tetapi keprihatinan itu mesti diterjemah segera kepada pelaksanaan, bukan sekadar janji.

"Apa jadi dengan elaun 'on-call'



dan kenaikan elaun pakar yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2025? Sudah masuk Julai, tetapi belum dilaksanakan.

"Ini menjejaskan keyakinan doktor terhadap sistem, sedangkan negara jiran bertindak pantas dengan tawaran menarik, kita pula masih terikat dengan bi-

rokrasi dan ketidaktentuan pelaksanaan," katanya.

Jalani latihan luar negara

Selain, katanya, beliau juga dimaklumkan hampir 40 peratus graduan dari RCSI & UCD Malaysia Campus (RUMC) di Pulau Pinang memilih menjalani latihan siswazah mereka di Ireland dan United Kingdom, bukannya di hospital awam Malaysia.

RUMC dahulunya dikenali sebagai Kolej Perubatan Pulau Pinang dan kampus cawangan bagi Royal College of Surgeons in Ireland (RCSI) dan University College Dublin (UCD) dari Ireland yang menerima pengiktirafan sebagai universiti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

"Ini petanda jelas doktor-doktor muda kita sedang hilang keyakinan terhadap sistem sedia ada. Statistik menunjukkan le-

bih 6,400 pegawai perubatan meletak jawatan dari 2019 hingga 2023. Ini bukan lagi kebocoran kecil, ia gelombang yang mengancam daya tahan sistem kesihatan awam negara," kata Dr Lingshwaran.

Beliau menjelaskan, masalah berkenaan bukan isu gaji semata-mata, sebaliknya berkait aspek kepercayaan terhadap sistem.

"Doktor-doktor muda mahu kan kepastian, sokongan dan masa depan yang stabil. Tanpa pembaharuan struktur yang menyeluruh dan segera, kita bakal kehilangan lebih ramai tenaga profesional berkualiti tinggi.

"Kini masanya untuk bertindak. Kita harus menghargai doktor kita bukan saja dengan kata-kata, tetapi dengan tindakan. Reformasi perlu dilaksanakan, bukan ditangguh," katanya.



Ramai petugas kesihatan, daripada doktor muda hingga pakar, percaya bahawa pentadbiran hari ini lebih prihatin, lebih terbuka mendengar suara mereka, tetapi keprihatinan itu mesti diterjemah segera kepada pelaksanaan, bukan sekadar janji

Dr RA Lingshwaran
Ahli Dewan Negara

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

KKM wajar pertimbang tawaran gaji lebih baik

Johor Bahru: Kementerian Kesihatan (KKM) digesa mempertimbangkan penawaran gaji yang lebih baik bagi menangani isu petugas kesihatan memilih untuk bekerja di Singapura.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon, berkata jumlah pengambilan pelatih yang lebih ramai membabitkan doktor dan jururawat juga perlu diberi perhatian.

Beliau berkata, tawaran gaji yang menarik oleh hospital di Singapura kepada petugas kesihatan, khususnya di Johor bukanlah perkara baharu.

"Ada hospital daripada Singapura menawarkan tawaran yang sangat menarik kepada petugas kesihatan dalam negeri Johor dan sebahagiannya juga telah mengambil tawaran berkenaan.

"Apa yang kami akan lakukan ialah berbincang dengan KKM supaya meningkatkan kuantiti pelatih dan memberi tawaran serta peluang (gaji) yang baik supaya mereka boleh menghargai untuk berkhidmat dalam sistem kesihatan kerajaan," katanya.

nya pada sidang media selepas Sambutan Hari Jururawat Peringkat Negeri Johor 2025 di sini, semalam, yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Tiang Soon berkata, keadaan itu turut menjejaskan fasiliti kesihatan di negeri ini, apatah lagi dengan Hospital Pasir Gudang akan mula beroperasi 1 Ogos nanti, namun kakitangan terpaksa dipindahkan dari hospital



Ling Tian Soon

sedia ada.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan Johor sentiasa menghargai perkhidmatan yang diberikan doktor dan jururawat awam dan berharap mereka akan terus berkhidmat di negara serta negeri ini.

"Saya yakin mereka sebenarnya mahu terus berkhidmat di sini, dan amat komited dengan tanggungjawab mereka.

"Namun, ia harus disertai dengan skim galakan serta tangga gaji yang lebih menarik supaya mereka tidak terpaksa mengambil keputusan untuk berhijrah akhirnya," katanya.

Mengulas mengenai tenaga kerja daripada Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) serta hospital awam di negeri yang dipindahkan ke Hospital Pasir Gudang, Tian Soon berkata, langkah itu perlu dilakukan susulan Hospital Pasir Gudang akan beroperasi 1 Ogos ini.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA

Petugas kesihatan ditawarkan gaji lumayan di Singapura

JOHOR BAHRU – Tawaran gaji lumayan dibuat hospital Singapura kepada petugas kesihatan negara ini khususnya melibatkan doktor dan jururawat bukan perkara baharu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon sebaliknya berkata, tawaran sedemikian telah dibuat pihak-pihak berkenaan sejak beberapa tahun lalu.

Pihaknya juga tidak menafikan segelintir petugas kesihatan awam dari negara ini telah mengambil tawaran tersebut atas keputusan peribadi.

"Ini bukanlah perkara baharu, sebaliknya kami telah dimaklumkan sejak beberapa tahun lalu bahawa terdapat hospital Singapura beri tawaran menarik kepada petugas kesihatan negara ini, sebahagian mereka telah ambil tawaran tersebut.



MENTERI Besar Johor, Datuk Onn Hafiz bergambar bersama para jururawat sempena Sambutan Hari Jururawat Peringkat Negeri Johor di Pusat Konvensyen Danga Bay, Johor Bahru semalam.

"Bagaimanapun kami juga bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk ambil langkah sewajarnya bagi atasi perkara ini," katanya kepada pemberita pada Sambutan Hari Jururawat Peringkat Negeri Johor di Pusat Konvensyen Danga Bay, di sini semalam.

Tambah Tian Soon, antara langkah diambil termasuk menambah kuantiti petugas kesihatan, tambah baik tawaran dan kualiti persekitaran tempat kerja serta peluang berkhidmat kepada rakyat dan negara.

"Kita akan terus kaji penyelesaian jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk berdepan isu ini.

"Bagaimanapun kita tetap yakin petugas kesihatan akan terus komited kepada khidmat dah jasa kepada negara dan rakyatnya," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : SINAR ISLAM

Ancaman rokok elektronik terhadap Maqasid Syariah

Lebih membimbangkan peningkatan penggunaannya dalam kalangan remaja dan wanita boleh merosakkan keseluruhan generasi baharu

ISLAM merupakan agama yang menitikberatkan penjagaan kesihatan dan kesejahteraan manusia, sejajar dengan lima prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Dalam konteks ini, usaha membanteras penggunaan rokok elektronik atau *vape* bukan sekadar isu kesihatan awam semata-mata, bahkan satu kewajipan agama bagi melindungi nyawa dan akal manusia daripada kemudaratan.

Ramai mufti negeri telah pun menyatakan pendirian bahawa penggunaan rokok elektronik adalah haram.

Mufti Wilayah Persekutuan, Mufti Selangor, Mufti Pulau Pinang dan Mufti Terengganu antara yang telah mengeluarkan fatwa mengharamkan penggunaan rokok elektronik kerana jelas mendatangkan mudarat serta tidak membawa sebarang manfaat.

Sebagai contoh, Muzakarah Fatwa Negeri Selangor pada 2015 memutuskan bahawa penggunaan rokok elektronik adalah haram kerana:

1. Mengandungi bahan kimia berbahaya seperti nikotin, formaldehid dan arsenik,
2. Boleh menyebabkan ketagihan,
3. Membawa risiko kepada kesihatan tubuh badan termasuk paru-paru dan jantung,
4. Menjadi pintu masuk kepada penggunaan dadah dan bahan terlarang dalam kalangan remaja.

Pandangan ini disokong oleh prinsip fiqh "*Dar'u al-mafasid muqaddam 'ala jalb al-masalih*" yang bermaksud menolak kemudaratan didahulukan berbanding mengambil manfaat.

Oleh disebabkan rokok elektronik terbukti

BEBASKAN generasi baharu daripada terlibat dengan penggunaan rokok elektronik yang membahayakan.

membawa lebih banyak keburukan, maka ia wajib dielakkan.

Kemudaratan kesihatan dan sosial

Kajian Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2022 mendedahkan bahawa 14.9 peratus remaja sekolah menengah di Malaysia adalah pengguna rokok elektronik dan ia satu peningkatan drastik daripada hanya 9.8 peratus pada tahun 2017.

Malah remaja perempuan menggunakan rokok elektronik meningkat 3.65 kali ganda berbanding rokok biasa, suatu angka yang sangat membimbangkan dari sudut kesihatan reproduktif dan masa depan generasi wanita Muslim.

Cecair rokok elektronik bukan sahaja mengandungi nikotin tetapi turut dicampur bahan terlarang seperti ganja, dadah sintetik, anestetik dan bahan kimia toksik.

Kes keracunan dan masalah paru-paru serius seperti EVALI (*e-cigarette or vaping product use-associated lung injury*) semakin banyak direkodkan.

Ini semua bukan lagi isu teori, tetapi realiti lapangan yang dihadapi para petugas kesihatan dan penguat kuasa setiap hari.

Ancaman kepada Maqasid Syariah

Rokok elektronik merupakan ancaman kepada Maqasid Syariah merangkumi semua aspek:

1 Menjaga nyawa (Hifz an-nafs)

Rokok elektronik terbukti merosakkan paru-paru dan boleh membawa maut. Kes kematian akibat penyakit paru-paru berkaitan rokok ini banyak dilaporkan di dalam dan luar negara. Menjauhinya adalah kewajipan demi menjaga nyawa.

2 Menjaga akal (Hifz al-'aql)

Kandungan bahan kimia dan dadah dalam rokok elektronik mengganggu fungsi otak dan menyebabkan ketagihan terutama dalam kalangan remaja yang otaknya masih berkembang.

3 Menjaga keturunan (Hifz an-nasl)

Remaja perempuan yang menghisap rokok elektronik berisiko tinggi menghadapi masalah kesuburan dan komplikasi kehamilan di masa depan. Ini memberi kesan jangka panjang kepada kesinambungan zuriat yang sihat.

4 Menjaga harta (Hifz al-mal)

Wang yang dibelanjakan untuk membeli rokok elektronik satu pembaziran. Ia bertentangan dengan prinsip jangan membazir.

5 Menjaga agama (Hifz ad-din)

Apabila seseorang terjebak dalam ketagihan rokok elektronik dan dadah, mereka sering lalai daripada solat, menanggung ibadah dan akhirnya menjauhi nilai Islam secara keseluruhan.

Seruan kepada ummah dan pihak berkuasa

Sudah tiba masanya umat Islam dan para pemimpin masyarakat mengambil pendirian tegas. Larangan terhadap penjualan rokok elektronik perlu diperluaskan di seluruh negara.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu semak semula lesen perniagaan dan menutup kelompangan yang membolehkan penjualan rokok elektronik secara tidak langsung.

Ibu bapa, guru, imam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam perlu memainkan peranan aktif memberi kesedaran kepada remaja bahawa rokok elektronik ini bukanlah gaya hidup moden atau "*trendy*", tetapi jerat halus ke arah kerosakan diri dan agama.

Kesimpulannya, membasmi rokok elektronik bukan sekadar perjuangan kesihatan awam, tetapi usaha suci dalam menjaga Maqasid Syariah. Ia menuntut tindakan kolektif, kesungguhan politik dan kekuatan iman.

Semoga masyarakat Islam bangkit menyelamatkan generasi muda daripada perangkat rokok elektronik dan kembali kepada gaya hidup yang sihat, bersih dan diberkati.



PROF. MADYA DR. ABDUL RAHMAN RAMDZAN

Pensyarah Kanan Perubatan & Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Jabatan Perubatan Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sabah



PENGUNAAN rokok elektronik yang meningkat terutamanya dalam kalangan remaja dan wanita semakin membimbangkan.